

21/09/1998

Sapok lakar sejarah tinju negara

KUALA LUMPUR, Ahad - Sapok Biki menyumbangkan pingat emas ketujuh negara dalam temasya Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI selepas menumpaskan lawannya dari Kenya, Moses Kinyua, di peringkat akhir pertarungan tinju kategori 48kg, hari ini.

Bagaimanapun, tambahan pingat emas yang diharapkan menerusi pasukan hoki lelaki serta beregu badminton wanita tidak kesampaian apabila masing-masing kecundang dalam saingan kemuncak.

Sapok, yang bersemangat dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyaksikan pertarungannya di Stadium Malawati, Shah Alam, langsung tidak menghiraukan reputasi hebat lawannya untuk mendahului kiraan mata sejak pusingan pertama lagi.

Tumbukan-tumbukan padu tepat ke sasaran, selain taktik bertahan kemasnya membolehkan Sapok akhirnya melakar sejarah sebagai peninju pertama negara meraih emas dalam sejarah Sukan Komanwel dengan kemenangan 19-13.

"Saya amat gembira dengan kejayaan ini. Akhirnya, sukan tinju membuktikan turut mampu menyumbang pingat emas kepada negara," kata Sapok sebaik dikalungkan pingat emas oleh Dr Mahathir.

Pasukan hoki lelaki negara pula mendapati bekal semangat tidak mencukupi ketika Australia, pilihan utama kejohanan, mudah mencatat kemenangan 4-0 untuk meraih emas di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil.

Kejutan yang cuba terus dicipta gandingan negara, Lim Pek Siah dan Chor Hooi Yee, dalam acara badminton turut terhenti apabila tewas dalam final beregu wanita.

Pek Siah dan Hooi Yee tumpas kepada pasangan pilihan utama dari England, Joanne Goode-Donna Kellog, 8-15, 6-15.

Namun, pingat perak itu adalah pencapaian individu terbaik buat pemain wanita negara selepas kejayaan emas perseorangan menerusi Slyvia Ng dalam temasya 1978 di Edmonton.

Dua emas bagaimanapun dijanjikan esok apabila final perseorangan dan beregu lelaki akan menemukan sesama pemain negara.

Yong Hock Kin akan menentang Wong Choon Hann dalam final perseorangan lelaki manakala gandingan utama negara, Cheah Soon Kit-Yap Kim Hock akan menentang pasangan kedua, Chong Tan Fook-Lee Wan Wah, dalam akhir beregu lelaki.

Sementara itu, bowling padang terus menyumbang pingat apabila Saedah Abdul Rahim berjaya memenangi pingat perak dalam acara perseorangan wanita.

Faktor kurang pengalaman kerana beraksi dalam kejohanan sulungnya menjadi penghalang Saedah yang mendahului sejak awal tetapi gagal mempertahankan kelebihan untuk akur kepada peserta Afrika Selatan, Lesly Hartwell.

(END)